


TAJUK :
GURU
DAN
ALAM PENDIDIKAN





KONSEP ILMU

Ilmu adalah pengetahuan yang perlu ada dalam diri individu yang diperolehi daripada pengalaman hidup untuk membantu masyarakat hidup bertamadun.

PERANAN GURU DALAM ALAM PENDIDIKAN



GURU SEBAGAI PENGAMAL KEMAHIRAN

- Kemahiran penyampaian
- Kemahiran penilaian
- Kemahiran merangsang
- Kemahiran pengurusan bilik darjah
- Kemahiran pengawalan disiplin
- Kemahiran mengendalikan



KEMAHIRAN PENYAMPAIAN

- Permulaan
- Penyoalan
- Penggunaan contoh-contoh
- Penggunaan papan kapur
- Penutup
- Pengukuhan
- Penggunaan BBM
- Pelbagai rangsangan



KEMAHIRAN PENILAIAN

- Menggubal soalan pelbagai aras.
- Membina ujian yang mempunyai keesahaan tinggi.
- Mengenal pasti kelemahan murid untuk tindakan susulan.



KEMAHIRAN MERANGSANG

- Merancang aktiviti dan boleh disertai oleh semua murid.
- Merangsang murid mengambil bahagian yang aktif dalam pelajaran.



KEMAHIRAN PENGURUSAN BILIK

- Memotivasi murid.
- Mengawal rutin bilik darjah.
- Memastikan murid mengikuti peraturan bilik darjah.
- Menentukan suasana bilik darjah.



Kemahiran Pengawalan Disiplin

- Mengesan faktor-faktor yang menimbulkan masalah.
- Memastikan cara-cara mengatasinya.
- Menggunakan ganjaran dan hukuman yang sesuai.
- Mewujudkan disiplin sendiri.



KEMAHIRAN MENGENDALIKAN

- Memahami dinamika kumpulan.
- Membantu murid memperkembangkan perhubungan sihat.



GURU SEBAGAI AGEN SOSIALISASI

- Penyebar ilmu kemasyarakatan.
- Pembentuk sahsiah sesuai dengan norma dan nilai masyarakat.
- Pembentuk masyarakat penyayang.
- Menjadi *role model* kepada murid dan masyarakat.
- Penghubung di antara guru, ibu bapa, pegawai kerajaan dengan masyarakat dan penyumbang kepada masyarakat.



GURU SEBAGAI AGEN PERUBAHAN

- Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.
- Mendekatkan sekolah dengan masyarakat.
- Menjadikan sekolah sebagai pusat ilmu.
- Memberikan perkhidmatan dalam bidang yang dikuasai.
- Menjalankan kajian pendidikan dalam mengatasi masalah murid di dalam bilik darjah agar dapat meningkatkan mutu pendidikan.



GURU SEBAGAI PAKAR RUJUK

- Mempunyai kemahiran ikhtisas dan menguasai ilmu pengetahuan.
- Menunjukkan sikap jujur serta mewujudkan interaksi positif pelbagai hala.
- Menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang memudahkan murid menjalankan aktiviti pengajaran mereka.




GURU SEBAGAI MENTOR

- Mempunyai sifat dan kualitas seperti berikut:
 - Bersopan santun
 - Menghormati pandangan murid
 - Peramah
 - Rendah hati
 - Jujur
 - Semangat berbakti
 - Prihatin



GURU SEBAGAI PENGURUS

- Mengurus rutin bilik darjah.
- Mengurus murid-murid supaya menjalankan tugas harian.
- Mengurus murid-murid supaya mematuhi peraturan bilik darjah.
- Mengurus keadaan fizikal bilik darjah.
- Mengurus aktiviti kumpulan.



GURU SEBAGAI PENYELIDIK

- Menyelesaikan masalah yang mungkin dihadapi oleh murid.
- Mengubah dan menyesuaikan strategi P & P dapat menarik perhatian murid.
- Sentiasa membuat dan menjalankan refleksi sendiri bagi memperbaiki kelemahan dalam P & P.



GURU SEBAGAI PATRIOT

- Membentuk sikap patriotisme di kalangan murid melalui 3 cara:
 - ❖ Dalam aktiviti P & P.
 - ❖ Dalam aktiviti Kurikulum, Ko-kurikulum dan aktiviti budaya sekolah.



GURU SEBAGAI PEMBENTUK NILAI

- Nilai intrinsik (dalaman):
Contoh; kasih sayang, hormat-menghormati, adil dan saksama, empati dan kesadaran.
- Nilai instrumental :
Contoh; berdikari, bersih, berani, jujur, bersopan-santun, rasional dan bersemangat tinggi.
- Nilai Keagamaan :
Contoh; percaya kepada Tuhan



GURU SEBAGAI PEMBINA NEGARA



- Melahirkan rakyat yang bertanggungjawab
- Menghasilkan rakyat yang progresif, mahir serta cekap dalam memberi sumbangan terhadap kemajuan negara
- Melahirkan rakyat yang boleh memahami, menerima dan mengamalkan prinsip-prinsip dan cita-cita demokrasi mengikut perlembagaan.
- Melahirkan rakyat yang taat setia kepada raja dan negara
- Melahirkan rakyat yang mengamalkan prinsip-prinsip rukun negara dan bersikap toleransi demi mewujudkan perpaduan kaum
- Mengurangkan jurang perbezaan dari segi ekonomi sosial dengan membekalkan kemudahan-kemudahan asas pendidikan kepada golongan yang kurang berada.

GURU PENYAYANG

- Prihatin, berminat, bertimbang rasa, menjaga, memikir dan memberi perhatian terhadap permintaan, pandangan, kebajikan, keperluan dan kebahagiaan murid-muridnya.
- Menyukai dan menyayangi kanak-kanak.
- Berminat mengajar, berdedikasi dan melaksanakan aktiviti P & P dengan bersungguh-sungguh.



GURU PENYEBAR ILMU

- Bertanggungjawab menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid.
- Memupuk nilai budaya ilmu supaya menjadi teladan bagi murid-murid mencontohi serta membentuk budaya ilmu sebagai ciri utama dalam kehidupan mereka.
- Mewujudkan budaya ilmu di kalangan guru dan murid sejajar dengan salah satu pernyataan yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- Melahirkan generasi yang mencintai ilmu pengetahuan.



GURU SEBAGAI PENGGERAK MASYARAKAT (INOVATOR)

- Sebagai agen sosialisasi dan penyebar budaya ilmu yang membawa perkembangan dan kemajuan sekolah serta masyarakat.
- Sebagai agen memodernisasikan masyarakat dalam semua bidang perkembangan dan kemajuan negara.
- Sebagai agen penggerak masyarakat serta mementingkan nilai-nilai kemasyarakatan dan proses pembaharuan.



RUMUSAN




PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU TERHADAP KEPERLUAN NEGARA

- Mengikuti kursus-kursus yang boleh membantu dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan diri dalam pengajaran & pembelajaran.
- Mendidik murid dengan kepelbagaian kaedah mengajar berpandukan sukatan pelajaran.
- Meningkatkan harga diri, 'self-esteem' dan konsep sendiri ke arah positif.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU TERHADAP MASYARAKAT

- Mendidik murid-murid supaya mereka menjadi generasi yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bersemangat patriotisme dan bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara.
- Mendidik murid-murid supaya mempunyai daya ketahanan tinggi dengan memperolehi kemahiran-kemahiran khasnya bidang teknik dan vokasional yang dicitakan dalam wawasan 2020 serta memenuhi aspirasi dan kehendak individu masyarakat dan negara.
- Memainkan peranan sebagai agen perubahan dengan membawa perubahan-perubahan baru untuk memenuhi aspirasi dan kehendak murid, masyarakat dan negara yang semakin kompleks, meningkat, progresif dan berkembang.



SEKIAN

TERIMA KASIH

